

## BAB III

### METODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi berasal dari perkataan Yunani (Latin) dan ia terdiri daripada “*meta*” yang bermaksud ‘dengan’ dan ‘*odos*’ yang bermaksud ‘jalan’. “Logos” ialah ilmu atau aliran. Ia dapat diterjemahkan sebagai “ilmu dengan jalan”.<sup>1</sup> Manakala Imām Barnadib pula memberi penjelasan iaitu “ilmu tentang menjalankan penelitian”.<sup>2</sup> Di sini metodologi bermaksud ilmu tentang cara di dalam penyelidikan ilmiah. Metode adalah satu perkara yang penting kerana ia merupakan satu cara bekerja dan cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>3</sup> Menurut “Kamus Dewan” metodologi bermaksud ilmu tentang metode atau sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan. Perkataan metode pula memberi maksud cara melakukan sesuatu atau sistem.<sup>4</sup>

Dari segi istilah metodologi memberi erti sains atau kajian mengenai kaedah, terutama sekali dalam bidang ilmiah. Terdapat takrifan bahawa ia adalah sebagai

<sup>1</sup> Drs. Nazaruddin S.H (1974), *Publisiti Dakwah*, Jakarta : Penerbitan Erlangga, h. 33.

<sup>2</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Jogjakarta : Yayasan FIK-IKIP, h. 51.

<sup>3</sup> Koenjaningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit PT Garamedia, h. 7.

<sup>4</sup> Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 738.

suatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang.<sup>5</sup>

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa metodologi ialah ilmu tentang cara untuk mengkaji dan menyelidiki sesuatu kajian, ianya adalah suatu usaha yang sistematik dan objektif dengan maksud untuk memperolehi atau mengumpul data-data yang tepat dan berkesan.<sup>6</sup>

Manakala penyelidikan pula bermaksud sesuatu yang dijalankan samada untuk mengetahui apa yang sedang berlaku, telah dan akan berlaku bagi menambah pengetahuan.<sup>7</sup> Menurut Tuckman, dalam Sidek Mohd Noah (2000), mengatakan bahawa penyelidikan ialah satu usaha yang sistematik untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.<sup>8</sup> Oleh itu penyelidikan ialah tatacara yang teratur dan sistematik, digunakan untuk mengetahui sesuatu perkara yang telah, sedang dan akan berlaku bagi menambah ilmu pengetahuan.

Daripada huriahan-huriahan di atas dapatlah disimpulkan bahawa yang membawa maksud metodologi penyelidikan ialah tatacara mengkaji dan menyelidik sesuatu kajian secara sistematik dan objekif bagi mengumpul data-data yang tepat serta

<sup>5</sup> AS Hornby (et.al.) (1980), *Kamus Progresif Inggeris-Melayu*, cet. Ke 4, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, h. 186.

<sup>6</sup> Drs. Winardi (1976), *Pengantar Metodologi Research*, Bandung : Penerbit Ammni, h. 55. Lihat juga William Morris (1981), *The American Heritage Dictionary of The English Language*, (ed.), Boston : Houghton Mifflin Company, h. 12.

<sup>7</sup> Mohd Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, edisi ke 2, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

<sup>8</sup> Sidek Mohd Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, h. 2.

berkesan untuk mengetahui apa yang telah, sedang dan akan berlaku supaya dapat menambah pengetahuan.

### **3.2 METODOLOGI KAJIAN.**

Dalam bab ini penulis akan menerangkan reka bentuk kajian, sampel kajian, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisaan data.

#### **3.2.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian tinjauan bagi melihat kesedaran serta minat terhadap pendidikan di kalangan kaum wanita di masjid, di samping melihat sistem pembelajaran yang bersesuaian dengan kaum wanita. Ianya juga bertujuan untuk mengetahui pandangan responden terhadap peranan persatuan-persatuan wanita bagi mempertingkatkan kelas-kelas untuk kaum wanita. Seterusnya akan menyentuh permasalahan yang dihadapi dalam perkembangannya pendidikan tersebut.

#### **3.2.2 Sampel Kajian.**

Kajian ini dijalankan terhadap wanita-wanita yang mengikuti kelas-kelas atau kuliah pengajian yang dianjurkan oleh Biro Muslimat di beberapa masjid di Shah Alam.

Seramai 200 orang wanita telah dipilih mewakili tujuh buah masjid sebagai sampel.<sup>9</sup>

Pada perkiraan penulis sampel ini telah merangkumi keseluruhan populasi untuk mendapatkan data. Populasi ialah satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek.<sup>10</sup>

Dalam kajian ini, pengambilan responden adalah secara rawak mudah. Ia berdasarkan kepada beberapa faktor, seperti usianya, kedudukan institusi masjid dari sudut peranan dan fungsinya sebagai Pusat Pendidikan Islam di Shah Alam. Di samping itu, responden yang menghadiri program-program tersebut juga mewakili kelas menengah<sup>11</sup> dan bawahan.<sup>12</sup> Metode rawak mudah ini perlu berdasarkan populasi dan jumlah subjek yang banyak hendak diselidiki.<sup>13</sup> Jumlah responden adalah seperti jadual 3.1. Penerangan ringkas mengenai masjid-masjid adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1 berikut.

<sup>9</sup> Disebabkan kehadiran wanita ke kelas-kelas tersebut tidak tetap bilangannya, penulis telah melakukan beberapa kali observasi. Setelah berpuas hati, penulis mengambil jumlah 50% daripada kehadiran tersebut berdasarkan kepada purata kehadiran.

<sup>10</sup> Mohd. Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. Ke 3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 58.

<sup>11</sup> Kelas menengah terdiri daripada ahli profesional, pentadbir, ahli perniagaan dan pengurus. Kebanyakan mereka mempunyai pendidikan yang tinggi dan kedudukan ditentukan oleh pekerjaan mereka. Lihat Nurizam Yahaya (1989), "Peranan Pemerintah Terhadap Perumahan dan Persetinggan" (Tesis Ph.D, Universiti Malaya), h. 42. Berdasarkan faktor ekonomi, pendapatan minima mereka sekitar RM1 000 sebulan. Harga rumah mereka pula melebihi RM100 000 (harga semasa) sementara sewanya pula adalah antara RM500 hingga RM2 000 sebulan. Lihat Fatimah Abdullah (1994), "Urbanisasi dan Kekeluargaan : Satu Kajian Kes Kelas Menengah Melayu di Kuala Lumpur" (Tesis Ph.D, Universiti Malaya).

<sup>12</sup> Kelas bawahan terdiri daripada kakitangan peringkat rendah dalam sektor awam dan swasta, petani, peniaga dan bekerja sendiri dan pendapatan mereka tidak melebihi RM1 000 sebulan. Rumah mereka adalah jenis kos rendah, rumah pangsa dan rumah kayu (setinggan). Harganya tidak melebihi RM25 000. Lihat Yaacob Haron (t.t), *Keluarga Melayu Bandar, Satu Analisa Perubahan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xiii.

<sup>13</sup> Sulaiman Ngah Ghazali (1996), *Analisa Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 71.

**Jadual 3.1 : Jumlah Sampel Mengikut Tempat dan Waktu.**

<b>Nama Masjid</b>	<b>Alamat</b>	<b>Waktu</b>	<b>Bilangan</b>
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam	Pelbagai	75
Masjid Jamek Raja Tun Uda	Seksyen 16, 40010 Shah Alam	Ahad : 3.00 ptg	10
Masjid Al Ehsan	Jln. Jeli 24/25, Seksyen 24, Shah Alam	Ahad : 3.00 ptg	15
Masjid Al-Ubudiah	Jln. Joran 19/24, Seksyen 19, Shah Alam	Khamis & Jumaat: 3.00 ptg	45
Masjid Pusat Bandar Hicom	Seksyen 27, 40400 Shah Alam	Ahad : 9.00 pagi	20
Masjid Al-Taqwa	Desa Subang Permai, 40150 Shah Alam	Sabtu : 3.00 ptg	15
Masjid Nahdatul Islam	Jln. 18/42, Seksyen 18, 40200 Shah Alam	Ahad : 9.00 pagi	20

**a) Masjid Nahdatul Islam**

Penulis memilih masjid ini sebagai mewakili penduduk kelas pertengahan bersesuaian dengan masyarakat sekitarnya. Masjid ini juga mewakili masjid-masjid yang tertua di Shah Alam yang sudah tentu mempunyai kepelbagaiaan program dan pendekatan untuk menarik ahli-ahli jemaahnya kepada aktiviti-aktiviti masjid.

Masjid ini pada asalnya merupakan sebuah surau. Ianya telah dinaik tarafkan sebagai masjid pada 1991.<sup>14</sup> Pada peringkat permulaan program pengajian untuk kaum wanita diadakan pada waktu malam, namun sambutannya tidak menggalakkan dan telah ditukarkan pada hari Ahad waktu siang.<sup>15</sup>

Kuliah-kuliah untuk kaum wanita diadakan pada setiap hari Ahad, jam 9.00-10.30 pagi. Bidang-bidang pengajian termasuklah aqidah, tasauf, fekah, hadis dan tafsir al-Qur'an (lihat jadual 3.2). Pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar menggunakan teks. Terdapat juga program-program yang berkala seperti Ihya Ramadhan, Kursus Haji, Pengurusan Jenazah dan lain-lain lagi.

Kebanyakan mereka yang hadir program di sini adalah terdiri daripada penduduk tempatan dan kadangkala terdapat juga mereka yang datang dari seksyen-seksyen lain yang berhampiran.

**Jadual 3.2 : Bidang Pengajian Yang Diajar Setiap Minggu di Masjid Nahdatul Islam**

<b>MINGGU</b>	<b>BIDANG PENGAJIAN</b>
Minggu pertama	Aqidah
Minggu kedua	Fekah
Minggu ketiga	Tasauf
Minggu keempat	Tafsir al-Qur'an
Minggu kelima	Umum

<sup>14</sup> Temubual dengan Ustaz Sofwan Fathy, Nazir masjid, pada 5 Julai 2002 jam 11.00 pagi bertempat di pejabatnya.

<sup>15</sup> Temubual dengan Ustazah Hajah Raden Zulaikha/Mardhiah binti Raden Hj. Sirat, Ketua Biro Muslimat pada 7 Julai 2002 jam 11.00 pagi di Masjid Nahdatul Islam.

### b) Masjid al-Taqwa

Masjid ini dipilih sebagai mewakili masjid baru dan mewakili penduduk kelas atasan dan menengah bersesuaian dengan penduduk sekitar yang menghadiri program tersebut. Ianya ditubuhkan pada tahun 1999 dan program pengajian untuk golongan wanita bermula sejak penubuhannya.<sup>16</sup> Walaupun masih baru tetapi program-program untuk kaum wanita agak menyeluruh. Kuliah mingguan telah diadakan pada setiap hari Sabtu jam 3.00-4.00 petang. Bidang pengajian termasuk hadis, fekah, tasauf dan akidah. (lihat jadual 3.3). Tenaga pengajar juga menggunakan teks masing-masing.

Selain kuliah mingguan, terdapat program-program lain seperti kursus-kursus motivasi, pengurusan jenazah, penghayatan Ramadan, kumpulan bacaan Yasin wanita dan pertandingan marhaban. Untuk mendapatkan sambutan yang baik daripada penduduk setempat, pihak AJK masjid telah mengedarkan ‘flyer’ ke rumah-rumah untuk memberitahu tentang program yang akan diadakan.

**Jadual 3.3 : Bidang Pengajian Yang Diajar Setiap Minggu di Masjid al-Taqwa.**

<b>MINGGU</b>	<b>BIDANG PENGAJIAN</b>
Minggu pertama	Fekah
Minggu kedua	Tasauf
Minggu ketiga	Tauhid
Minggu keempat	Tafsir
Minggu kelima	Umum

<sup>16</sup> Temubual dengan Hajah Norizan binti Hj. Hassan, Pengurus Biro Muslimat pada 29 jun 2002 jam 4.00 petang bertempat di Masjid al-Taqwa.

**c) Masjid al-Ubudiah.**

Pemilihan masjid ini adalah kerana ia merupakan masjid yang mana kehadiran para wanita sangat menggalakan iaitu sekitar 60-90 orang setiap kelas yang diadakan.<sup>17</sup> Faktor ini ialah kerana masa yang berlainan dengan masjid-masjid yang dibicarakan sebelum ini, dimana program mingguannya tidak diadakan pada hari minggu tetapi pada hari bekerja iaitu Khamis dan Jumaat jam 2.45 petang. (lihat jadual 3.4). Masjid ini mewakili golongan atasan dan pertengahan bersesuaian dengan masyarakat setempat. Walau bagaimanapun terdapat juga mereka yang tinggal di seksyen-seksyen lain menghadiri kuliah-kuliah tersebut.

Selain pengajian mingguan tersebut, terdapat program-program seperti Ihya Ramadan, kursus jenazah, Seminar Keluarga Bahagia, Kursus Anak Soleh dan motivasi pelajar dan lain-lain. Program-program berbentuk motivasi telah mendapat sambutan yang baik di kalangan warga Shah Alam. Sebagai contoh Kursus Anak Soleh Modul I telah dihadiri oleh 120 orang peserta, modul II seramai 150 orang peserta dan motivasi pelajar dihadiri seramai 120 orang peserta.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Kedatangan ini diperolehi berdasarkan buku kedatangan yang diedarkan pada setiap pengajian yang diadakan dan juga pengamatan penulis.

<sup>18</sup> Temubual dengan Hajah Zuraini binti Lamdin, Pengerusi Biro Muslimat pada 28 Jun jam 4.00 petang di masjid dan juga pengamatan penulis dalam program-program tersebut.

**Jadual 3.4: Bidang Pengajian Setiap Minggu di Masjid al Ubudiah pada Bulan Ogos.<sup>19</sup>**

TARIKH	HARI	TAJUK
1 Ogos 2002	Khamis	Bacaan al-Qur'ān
2 Ogos 2002	Jumaat	Tafsir al-Qur'ān
8 Ogos 2002	Khamis	Bimbingan Mukminin
9 Ogos 2002	Jumaat	Tauhid-Aqidah
15 Ogos 2002	Khamis	Sirah Rasulullah
16 Ogos 2002	Jumaat	Fiqh Muamalat
22 Ogos 2002	Khamis	Bimbingan Mukminin
23 Ogos 2002	Jumaat	Fiqh Ibadah
29 Ogos 2002	Khamis	Umum
30 Ogos 2002	Jumaat	Fiqh Ibadah

**d) Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Pemilihan masjid ini sebagai sampel mempunyai banyak sebab, antaranya ialah masjid ini merupakan satu-satunya Masjid Negeri yang berdiri teguh, berkembang maju dan terkenal di kalangan umat Islam seMalaysia dan seterusnya menjadi model kepada masjid-masjid lain terutamanya di Shah Alam sendiri. Bersesuaian dengan kewibawaan namanya sendiri, pentadbirannya diletakkan terus di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS). Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam 1989 (Kaedah-kaedah Pegawai dan Jawatan Kuasa Kariah (Negeri Selangor) Pindaan 1999, Masjid Negeri tidak tertakluk di bawah Pengurusan Bahagian Masjid JAIS sebagaimana Masjid Daerah, Masjid Kariah dan surau. Dari sudut

<sup>19</sup> Penulis memilih bulan Ogos 2002 sebagai contoh sahaja dan ianya adalah sama pada bulan-bulan yang lainnya.

pentadbiran, Masjid Negeri Selangor terletak di bawah Jawatankuasa Lembaga Tadbir yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menjadi penaung. (lihat lampiran 1)

Program-program yang dilaksanakan di sini telah dikendalikan oleh unit-unit tertentu yang mempunyai bidang tugas masing-masing-(lihat lampiran 1). Unit pengajian dan Pendidikan merupakan unit yang diamanahkan untuk program muslimat. Inilah keistimewaan masjid ini kerana mempunyai unit khusus dan mempunyai kelas-kelas pengajian yang selesa, berhawa dingin dan sistem yang bermutu. Program pengajian di sini juga adalah setiap hari merangkumi berbagai peringkat umur mengikut kategori-kategori tertentu-(lihat lampiran 2). Selain daripada pengajian harian, terdapat banyak lagi program berkala dan kursus-kursus bersiri yang telah dihadiri oleh kaum lelaki dan perempuan. Ini termasuklah kursus intensif haji bersiri, Kursus Imam dan Pendakwah, Kursus Bilal dan Muazzin-(lihat lampiran 3). Terdapat juga kursus-kursus yang bersifil samada jangka panjang atau jangka pendek-(lihat lampiran 4).

Dari sudut kewangan, masjid ini sangat teguh kewangannya dan mempunyai Tabung Amanahnya sendiri yang dikendalikan oleh kerajaan negeri. Purata kutipan mingguannya yang mencapai RM 7 000.00 seminggu.<sup>20</sup>

<sup>20</sup> Temubual dengan Haji Khairuddin Haiyon, Pembantu Tadbir (kewangan) pada 4 Jualai 2002 jam 11.30 pagi di pejabatnya.

Kedudukan kewangan yang teguh telah membantu melicinkan program-program pengajian yang dilaksanakan kerana setiap penceramah akan diberi saguhatinya.

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah tidak mempunyai ahli qariahnya sendiri di Shah Alam. Ini berlainan dengan masjid-masjid dan surau-surau lain yang dikendalikan oleh ahli qariah tersebut. Oleh itu pihak masjid telah merancang dengan melakukan beberapa kelainan terhadap program-program untuk menarik minat penduduk-penduduk di Shah Alam dan luar Shah Alam. Ini termasuklah pembelajaran berdasarkan sijil/diploma, di samping memberi perkhidmatan sampingan-(lihat lampiran 5). Rancangan ini telah berjaya kerana ia bukan sahaja dihadiri oleh mereka yang tinggal di Shah Alam bahkan luar daripada Shah Alam.<sup>21</sup>

Berdasarkan faktor-faktor di atas, maka penulis menjadikan masjid ini sebagai sampel berdasarkan kelainan pembawaannya dalam banyak sudut berbanding dengan masjid-masjid lain di Shah Alam. Penulis merasakan ianya amat sesuai sebagai sampel perbandingan dengan lain-lain masjid. Masjid ini juga lain berdasarkan aspirasi seorang raja selaku Ketua Pemerintah iaitu DYMM Sultan Selangor semasa itu iaitu Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni al-marhum Sultan Hisyamuddin Abdul Aziz Shah. Atas arahan baginda,

<sup>21</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Haji Othman bin Hamzah al-Hafiz, Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 27 Jun 2002 jam 10.00 pagi di pejabatnya.

penubuhan masjid yang menelan belanja RM 160 juta di atas tapak seluas 35 ekar bermula pada 1 haribulan Oktober 1983.<sup>22</sup>

e) **Masjid al-Ehsan Sek. 24**

Masjid ini dipilih sebagai mewakili penduduk kelas rendah bersesuaian dengan penduduk sekitar yang menghadiri program tersebut. Ianya bermula sebagai sebuah surau dan telah dinaik tarafkan sebagai masjid pada 24 Jun 1994.<sup>23</sup> Dalam menjayakan program dakwah dan kemasyarakatannya, masjid ini telah bekerjasama dengan badan-badan berkanun seperti MBSA.

Program pengajian untuk wanita diadakan secara mingguan pada hari Ahad jam 3.00-4.00 petang. Bidang pengajian termasuklah hadith, fekah, tasauf dan akidah-(lihat jadual 3.5). Semua tenaga pengajar menggunakan teks mengikut bidang yang diajar. Selain daripada pengajian tersebut kelas tajwid khusus untuk wanita pula telah diadakan pada hari Sabtu pukul 2.00-3.00 petang.<sup>24</sup>

Seperti masjid-masjid lain, program untuk wanita telah dipertanggung jawabkan kepada Biro Wanita dan kewangannya diuruskan oleh pihak masjid. Pengurusan masjid tidak menghadapi masalah kewangan kerana kutipan

<sup>22</sup> Risalah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

<sup>23</sup> Temubual penulis dengan Hj. Syukur, Ketua Biro Dakwah Masjid al-Ehsan pada 1 September 2002 jam 3.00 petang di Masjid al-Ehsan.

<sup>24</sup> Temubual penulis dengan Hjh. Siti Rohliah binti Mohd Affendi, Penggerusi Biro Muslimat pada 27 Ogos 2002 jam 10.00 pagi.

mingguan pada hari jumaat mampu menampung kos pengurusan masjid tersebut.<sup>25</sup>

**Jadual 3.5: Bidang Pengajian yang di ajar di Masjid al-Ehsan**

<b>MINGGU</b>	<b>BIDANG PENGAJIAN</b>
Minggu Pertama	Umum / Tasauf
Minggu Kedua	Tafsir
Minggu Ketiga	Fekah
Minggu Keempat	Tauhid

#### f) Masjid al-Munawwarah

Penulis memilih masjid ini sebagai mewakili penduduk kelas menengah sekitarnya. Masjid ini mewakili masjid yang baru yang dirasmikan pada 19 November 1998.<sup>26</sup> Nama asalnya Masjid Pusat Bandar Hicom bersempena dengan kawasan perindustrian di sekitarnya. Ianya boleh memuatkan 7 000 jemaah dalam satu masa dengan kos pembinaan 8.5 juta.

Kuliah-kuliah khusus untuk kaum wanita diadakan pada hari Sabtu dan Ahad. Pada hari Sabtu diadakan program bacaan Yasin dan pada hari Ahad pengajian fardhu ‘ain dan tajwid. Bidang-bidang pengajian fardhu ‘ain

<sup>25</sup> Temubual penulis dengan En. Shahidan bin Ibrahim, P.P.N Nazir Masjid al-Ehsan Seksyen 24 merangkap Pengurus Persatuan Imam, Pegawai Masjid dan Penolong Pendaftar Nikah Negeri Selangor (PIMPINAN) cawangan Shah Alam pada 29 Ogos 2002 jam 11.00 pagi di pejabatnya.

<sup>26</sup> Temubual penulis dengan Puan Saliha Md. Zain, Pengurus Biro Muslimat pada 1 September 2002 jam 11.00 pagi di Masjid al-Taqwa.

termasuklah tafsir, fekah, tasauf dan lain-lain. (lihat jadual 3.6). Tenaga-tenaga pengajar menggunakan teks menurut bidang masing-masing.

Terdapat juga program kemasyarakatan seperti kursus motivasi anak-anak dan pengurusan jenazah. Terdapat juga Sekolah Agama Rakyat yang menempatkan lebih kurang 600 murid-murid. Masjid ini telah menggunakan teknik yang baik untuk memberitahu tentang program-program yang dianjurkan iaitu melalui Risalah “Tazkirah al-Munawwarah” yang dikeluarkan secara berkala dua kali sebulan dan sebanyak seribu naskah telah dikeluarkan pada setiap keluaran. Pihak masjid juga telah menyediakan laman webnya melalui [www.masjidku.tripod.com](http://www.masjidku.tripod.com).

#### **Jadual 3.6: Bidang Pengajian yang diajar di Masjid al-Munawwarah**

<b>MINGGU</b>	<b>BIDANG</b>	<b>JAM</b>
Minggu pertama	Umum	9.00-10.30 pagi
	Iqra (tajwid)	10.30-11.30 pagi
Minggu kedua	Tafsir	9.00-10.30 pagi
Minggu ketiga	Tasauf	9.00-10.30 pagi
Minggu keempat	Fekah	9.00-10.30 pagi
Minggu kelima	Jemputan	9.00-10.30 pagi

#### **g) Masjid Jamek Raja Tun Uda**

Masjid ini dipilih sebagai mewakili penduduk kelas rendah. Ia merupakan masjid tertua di Shah Alam, dirasmikan oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah pada 3 Disember 1976. Ianya dikategorikan dalam Masjid Daerah. Bersesuaian dengan pengalaman yang lama masjid ini telah dilantik sebagai “Penggawa”<sup>27</sup> kepada surau-surau di sekitarnya iaitu surau-surau Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 4 dan Seksyen 7. Ahli Jawatankuasa yang dilantik telah menerima tauliah daripada Sultan Selangor dan ianya berkuatkuasa selama 2 tahun.

Masjid ini telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti samada secara bulanan, mingguan atau secara berkala. Ini termasuklah pengajian-pengajian, seminar, forum, ceramah umum, program-program motivasi dan aktiviti-aktiviti sukan. Untuk menarik golongan-golongan remaja pula, Silat Cekak Hanafi telah diperkenalkan oleh Biro Dakwah dan mendapat sambutan yang baik.<sup>28</sup>

Biro Dakwah masjid ini telah mengeluarkan buletin ‘Sinar Taqwa’ yang diedarkan dua kali seminggu iaitu ketika solat Jumaat. Hebahannya tentang program-program dimuatkan di dalamnya. Buletin ini adalah hasil usahasama di antara pihak masjid dan Akademi Islam Jam‘iyah.<sup>29</sup>

Aktiviti wanita telah dikendalikan oleh Biro Wanita dan telah melaksanakan program seperti pengajian mingguan, kursus pengurusan jenazah

<sup>27</sup> Sistem Penggawa diperkenalkan sebagai sistem anak angkat terhadap surau-surau di bawah kelolaannya. Pihak masjid akan memanggil atau menjemput Pengerusi Surau atau Setiausaha untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang akan diadakan dan mengambil kira pandangan mereka.

<sup>28</sup> Temubual penulis dengan Tuan Hj. Abdullah bin Mohd Yunus, Ketua Biro Dakwah Masjid Jamek Tun Uda pada 20 September 2002 jam 9.00 malam di rumahnya.

<sup>29</sup> Akademi Islam Jam‘iyah merupakan Pusat Bimbungan Penghayatan Islam di Shah Alam. Pengerusi dan Ketua Pembimbingnya adalah Ustaz Safwan Fathy.

dan ceramah-ceramah motivasi. Pengajian di sini diadakan pada setiap hari Ahad jam 3.00-4.00 petang-(lihat jadual 3.7).

**Jadual 3.7: Bidang Pengajian yang diajar di Masjid Jamek Raja Tun Uda**

MINGGU	BIDANG PENGAJIAN
Minggu pertama	Tajwid
Minggu kedua	Fekah
Minggu ketiga	Tafsir
Minggu keempat	Umum

Sambutan di kalangan wanita tidak tetap dan banyak dipengaruhi oleh keadaan semasa. Pada musim cuti sekolah, majlis-majlis kenduri dan lain-lain keraian kedatangan mereka merosot.<sup>30</sup>

### **3.2.3 Alat Kajian.**

Alat kajian ini mengandungi soal selidik, temubual berstruktur, perpustakaan dan pemerhatian (observasi).

#### **a) Soal Selidik**

Borang soal selidik diedarkan kepada kaum wanita bertujuan untuk mendapatkan maklum balas bagi menentukan latar belakang sampel, mengetahui kesedaran dan minat mereka, mengkaji sistem pembelajaran dan

<sup>30</sup> Temubual penulis dengan Puan Sa'adiah binti Budin, Pengurus Biro Wanita pada 9 September 2002 jam 9.00 pagi di rumahnya.

pelaksanaan program keilmuan di masjid-masjid tersebut di samping permasalahan-permasalahan yang wujud.

Soal selidik ini mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A,B, C dan D. Bahagian “A” menjelaskan tentang latar belakang sampel. Ia mengandungi tujuh item iaitu:

- i. Umur.
- ii. Pekerjaan.
- iii. Pendidikan.
- iv. Aliran pendidikan.
- v. Pendapatan.
- vi. Tempoh tinggal di Shah Alam.
- vii. Status samada sudah berkeluarga atau masih bujang.

Bahagian “B” mengandungi 12 item yang berhubung dengan program pengajian sampel. Item-item itu ialah:

- i. Siapa yang memberi dorongan untuk menghadiri majlis-majlis ilmu.
- ii. Kekerapan sampel menghadiri majlis ilmu.
- iii. Faktor tarikan untuk menghadiri majlis ilmu.
- iv. Sikap semasa menghadirinya.
- v. Kesan selepas majlis ilmu.
- vi. Bentuk pengajian yang disukai.
- vii. Cara terbaik untuk menarik orang ramai kepada majlis ilmu.

- viii. Kaedah penyampaian yang berkesan.
- ix. Penyediaan jadual pengajian.
- x. Masalah semasa pengajian.
- xi. Halangan utama untuk menghadiri pengajian.
- xii. Adakah kelas-kelas sekarang sudah memadai.

Dalam bahagian “B” ini juga mempunyai tujuan utama iaitu untuk mendapatkan data mengenai sistem pembelajaran di masjid-masjid dan peranan AJK masjid untuk mengimarahkan program tersebut di samping masalah-masalah yang dihadapinya.

Bahagian “C” mengandungi lima item yang berkaitan dengan pandangan sampel. Item-item tersebut ialah:

- i. Tuntutan muslim terhadap ilmu.
- ii. Sistem pengajaran yang diterima.
- iii. Adakah kemajuan teknologi maklumat dan kemodenan mempengaruhi sikap wanita mempelajari ilmu pengetahuan.
- iv. Peranan persatuan-persatuan wanita di Shah Alam.
- v. Peranan masjid untuk mempelbagaikan pengetahuan ahli-ahli qariahnya.

Tujuan utama bahagian “C” ini ialah untuk mendapat maklumat mengenai sikap responden terhadap kefarduan menurut ilmu, faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan serta meninjau usaha pihak-pihak yang

berkaitan untuk mempertingkatkan lagi taraf pendidikan Islam di kalangan wanita Shah Alam.

Bahagian “D” pula merupakan bahagian terakhir soal selidik ini dan ia merupakan bahagian cadangan. Item ini akan membantu memperkuatkan dapatan penulis dalam memberi cadangan dan saranan di bahagian terakhir kajian ini.

Cara pengukuran soal selidik ini adalah menggunakan peratus dan Skala Likert. Cara penggunaan peratus dapat dilihat dalam soalan bahagian “B”. Manakala Skala Likert dapat dilihat dalam soalan bahagian “C” yang terdiri daripada lima respon seperti berikut.

- i. Tidak setuju.
- ii. Kurang setuju.
- iii. Tidak pasti.
- iv. Setuju.
- v. Sangat setuju.

Skor maksima bagi setiap soalan ialah 5, manakala skor minima bagi setiap soalan pula ialah 1.

### **b) Metode Temubual**

Metode temubual atau wawancara merupakan kaedah mengumpul data melalui wawancara dengan responden samada tokoh atau orang perseorangan dengan

bercakap-cakap secara berdepan muka dengan orang tersebut.<sup>31</sup> Ia merupakan metode pembantu kepada metode pemerhatian.<sup>32</sup> Metode ini digunakan untuk keterangan tentang diri peribadi, pendirian dan pandangan dari individu yang diwawancarakan untuk tujuan perbandingan dan selainnya.

Metode ini menjadi landasan utama bagi mengumpul data kajian untuk dimuatkan dalam bab ketiga dan keempat dan sedikit dimasukkan dalam bab pertama. Penulis telah mewawancara beberapa responden yang penulis rasakan dapat memberikan data-data yang diperlukan. Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan fakta tentang latar belakang masjid, program dan kursus untuk wanita dan masalah yang dihadapi.

Di antara responden utama yang penulis wawancarakan merangkumi tenaga-tenaga pengajar yang terlibat secara langsung di dalam memberikan pendidikan Islam kepada kaum wanita di Shah Alam, Ketua Biro Muslimat di masjid-masjid berkenaan yang menjadi nadi penggerak kepada program-program kewanitaan serta pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung.

Sebelum sesuatu wawancara dilakukan, penulis terlebih dahulu menyusun panduan temubual yang menjadi panduan bagi melancarkan wawancara-(lihat lampiran 6). Soalan-soalan panduan temubual ini adalah hampir sama, yang berbeza ialah dituju kepada pihak yang berlainan.

<sup>31</sup> Koentraningrat, *op.cit.*, hal 161.

<sup>32</sup> *Ibid.*

### c) Metode Dokumentasi

Metode ini ialah teknik di mana seseorang mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod seperti buku-buku, majalah, kertas seminar dan lain-lain. Data yang diperolehi ini dijadikan asas bagi menjalankan penelitian ke atas pengkajian.<sup>33</sup> Penulis menggunakan kaedah ini untuk membuat rujukan danuraian berhubung dengan pendidikan Islam, sejarah, tujuan, kandungan dan lain-lain lagi. Perkara ini dibincangkan dalam bab pertama dan kedua. Di antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis ialah dalam membuat rujukan ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam.

Semua maklumat dari perpustakaan ini adalah dalam bentuk teori dan fakta sahaja. Bagi melengkapkan penyelidikan ini, penulis menggunakan banyak lagi metode lain.

### d) Metode Pemerhatian (Observation)

Metode pemerhatian atau pengamatan ialah cara pengumpulan dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Di dalamnya terdapat pengalaman, pengamatan, dan penelitian kepada masalah yang ada

<sup>33</sup> Kartini Kartono (t.t), *Pengantar Metodeologi Sosial*, Bandung : Terbitan Ammni, hal. 44.

hubungan dengan masalah yang dikaji.<sup>34</sup> Termasuk juga di dalam metode ini ialah pengalaman seseorang penulis sendiri yang dialami secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungan dengan objek penulisan.

:

Menurut Profesor Dr. Harsya W. Bachtiar dalam tulisannya “Pengamatan Sebagai Suatu Metode Penelitian”

*“Usaha pengamatan atau observasi yang cermat dapat dianggap sebagai salah satu cara penelitian ilmiah yang paling sesuai bagi para ilmuwan dalam bidang ilmu-ilmu sosial di negara-negara yang belum dapat mengembangkan prasaranan penelitian yang memerlukan biaya yang amat banyak.”<sup>35</sup>*

Penulis telah menghadiri majlis-majlis pengajian yang diadakan tersebut untuk mendapat maklumat dan mempastikan ianya tepat.<sup>36</sup> Pengamatan yang menyeluruh dibuat ke atas tujuh buah masjid yang terlibat. Berpandukan buku catatan kedatangan yang diedarkan semasa kelas diadakan, penulis dapat mengambil bilangan responden yang dikehendaki berdasarkan purata kedatangan. Mereka terdiri daripada berbagai kategori dan mewakili golongan bawahan dan menengah. Pengamatan penulis juga meliputi permasalahan dan keberkesanan kelas-kelas tersebut. Penulis telah mencatat setiap permasalahan yang timbul semasa pengajian serta membuat penganalisaan. Untuk memastikan fakta tersebut betul dan tepat, penulis juga menggunakan metode temubual dengan pihak yang terlibat. Hasil

<sup>34</sup> Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Penerbitan P.T. Garamedia, hal. 109.

<sup>35</sup> *Ibid.*, hal. 137.

<sup>36</sup> Penulis pergi ke tempat-tempat yang dikaji dan mengikuti kelas-kelas bersama wanita berkali-kali tanpa ada batasan sehingga maklumat yang dikehendaki diperolehi dan memuaskan penulis.

daripada pemerhatian tersebut telah banyak membantu penulis dalam membuat kesimpulan, rumusan dan saranan dalam bab kelima.

### **3.2.4 Tatacara Pemerolesan Data.**

Penulis memulakan proses pengumpulan data dengan cara:

- i. Memohon kebenaran dari Ketua Pusat Pendidikan Islam UiTM Shah Alam bagi menjalankan kajian.
- ii. Mendapat bantuan daripada pihak JAIS amnya dan Bahagian Pengurusan Masjid khususnya bagi mendapatkan bilangan masjid dan hal-hal lain yang diperlukan yang berkaitan dengan masjid.
- iii. Penulis juga memohon kebenaran dan bantuan dari para nazir atau imam atau Pengurus Biro Muslimat yang bertanggungjawab kepada perjalanan kelas-kelas pengajian wanita untuk mengedar borang soal selidik dalam kelas-kelas anjuran mereka di samping menemuramah mereka sekiranya diperlukan.

.....

Setelah semua permohonan diperolehi, penulis telah mentadbir soal selidik kepada responden dengan bantuan Biro Muslimat yang mengendalikan kelas-kelas tersebut. Responden diminta menandakan satu jawapan yang paling tepat sahaja. Penulis menghadapi sedikit kerumitan untuk mendapatkan semula borang-borang yang diisi disebabkan beberapa masalah seperti:

- i. Faktor kesuntukan masa (diedar selepas kelas dan mereka kelam kabut untuk pulang setelah habis kelas).

- ii. Apabila dibenarkan dibawa pulang untuk dihantar minggu seterusnya, hanya segelintir sahaja yang menghantarnya.
- iii. Tahap responden yang terdiri daripada berbagai-bagai seperti golongan mereka yang berumur dan taraf pendidikan yang rendah agak sukar untuk mengisi borang tersebut.

### **3.2.5 Tatacara Penganalisaan Data**

Data yang diperolehi diproses menggunakan “Pakej Statistik Sains Sosial” versi 10.0 (SPSS). Data yang didapati dikemukakan dalam bentuk statistik deskriptif. Menurut Alias Baba (1997), statistik deskriptif digunakan untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Ianya ialah proses mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan dalam bentuk yang senang difahami oleh kumpulan sasaran.<sup>37</sup>

Manakala Sidek Mohd Noah menyatakan statistik deskriptif bertujuan memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.<sup>38</sup>

Oleh itu statistik deskriptif adalah memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel bermula dari proses pengumpulan sehingga kepada rumusan dengan cara sistematik dan tepat.

<sup>37</sup> Alias Baba (1997), *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial*, cet. Ke 2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 22.

<sup>38</sup> Sidek Mohd Noah, *op.cit.*, hal. 46.

Analisa berbentuk “*crosstabulation*” diaplikasikan untuk menerangkan setiap dapatan. Kesemua dapatan dibentangkan dalam bentuk “*table*” atau graf untuk memudahkan kefahaman pembaca. Data yang diperolehi daripada temubual berstruktur juga dianalisa secara kualitatif bagi menyokong dan mengukuhkan lagi kajian ini.